

# UMT ambil peranan dididik ilmu kelautan

BH 17/06/24 M/S 21

**WOW2024**  
tingkat kesedaran  
awam mengenai  
kepentingan  
alam sekitar

Oleh Amirul Salam Hasan  
bhpendidikan@bh.com.my

**Kuala Terengganu:** Universiti Malaysia Terengganu (UMT) baru-baru ini menganjurkan Minggu Lautan Sedunia 2024 (WOW2024), sebagai usaha untuk meningkatkan kesedaran awam berkaitan kepentingan alam sekitar terutama ilmu kelautan.

Program selama dua hari yang berlangsung di Kuala Terengganu City Centre (KTCC) di sini, dijayakan dengan pelbagai aktiviti termasuk ceramah interaktif bagi memberi fokus pada kelestarian alam.

Ia dikhususkan bagi membantu kanak-kanak untuk lebih memahami mengenai kepentingan pemuliharaan alam.

Pensyarah Fakulti Sains dan Sekitaran Marin, Dr Tengku Fara Kamilia Tengku Mohd Kamil, berkata pihaknya mengambil tanggungjawab itu bagi memastikan usaha penyebaran kempen kelestarian alam dilakukan secara berterusan untuk generasi akan datang.

"Minggu Lautan Sedunia atau WOW2024 adalah kesinambungan daripada Hari Lautan Sedunia

yang disambut pada 8 Jun setiap tahun.

"Inisiatif program ini bagi menyahut dan menyokong Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu dalam menyebarkan literasi kelautan, mendidik semua lapisan masyarakat mengenai kepentingan melestarikan lautan dan ekosistemnya," katanya.

## Impak positif

Tambah Tengku Fara Kamilia, kempen pemuliharaan alam seperti penganjuran WOW sejak lebih 10 tahun lalu, mula menunjukkan impak positif dalam masyarakat.

Katanya, menerusi penganjuran WOW masyarakat dapat mempelajari dan terbabit secara langsung dengan aktiviti pemuliharaan laut.



Mengutip sampah dan membersihkan pantai antara pengisian Minggu Lautan Sedunia anjuran UMT.